

SOALAN NO: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH: 8 APRIL 2015

SOALAN:

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah terkini keseluruhan pekerja sehingga suku pertama tahun 2015 di Sabah, jenis industri yang mereka terbabit dan mengikut negara.

PR-1331-L66806

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, didapati jumlah terkini keseluruhan pekerja tempatan di negeri Sabah adalah seramai 1,636,400 orang. Seramai 192,300 orang bekerja di sektor pembinaan. Sektor aktiviti isi rumah sebagai majikan mencatatkan bilangan pekerja seramai 29,100 orang.

2. Sektor tertinggi penyertaan guna tenaga di negeri Sabah adalah di sektor perkhidmatan iaitu seramai 765,000 orang diikuti sektor pertanian, perhutanan dan perikanan seramai 518,200 orang.

3. Bilangan guna tenaga yang terendah adalah di sektor bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan iaitu seramai 3,900 orang. Seramai 10,900 orang bekerja di sektor perlombongan dan pengkuarian dan 7,300 orang bekerja di sektor bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara.

4. Di samping itu, bilangan pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara yang bekerja di Sabah sehingga 28 Februari 2015 adalah seperti berikut:-

BIL	WARGANEGARA	PEMBANTU RUMAH	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	PERLADANGAN	PERTANIAN	JUMLAH
1	BANGLADESH				1			1
2	CAMBODIA							0
3	CHINA				417			417
4	INDIA		23		225	1		249
5	INDONESIA	1,088	2,766	5,002	1,210	19,603	8,525	38,194
6	LADS							0
7	MYANMAR	1				35	2	38
8	NEPAL		151	10	1	47	83	292
9	PAKISTAN		1	1	6	1	3	12
10	FILIPINA	130	886	503	550	1,139	1,519	4,727
11	SRI LANKA				1			1
12	THAILAND				67			67
13	VIETNAM				2			2
14	LAIN-LAIN							0
JUMLAH		1,219	3,827	5,516	2,480	20,826	10,132	44,000

*Sumber: Sistem Mylimms (Jabatan Imigrasi Malaysia)